

Ekuinas labur RM79.8 juta dalam sektor penjagaan kesihatan

KUALA LUMPUR - Ekuiti Nasional Bhd. (Ekuinas) membuat dua pelaburan bernilai RM79.8 juta dalam dua syarikat penyedia perkhidmatan pentadbir tuntutan perubatan pihak ketiga (TPA) iaitu Kumpulan MediExpress (MediExpress) dan PMCare Sdn. Bhd. (PM-Care).

Pelaburan ini sekali gus me-



ARSHAD

nandakan penglibatan sulung syarikat dalam sektor penjagaan kesihatan.

Ia merangkumi pemerolehan kepentingan sebanyak 60 peratus ekuiti dalam MediExpress yang terdiri daripada Medi-

Express (Malaysia) Sdn. Bhd. dan Health Connect Sdn. Bhd. serta 60 peratus ekuiti dalam PMCare.

Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda berkata, sektor penjagaan kesihatan merupakan salah satu landasan bagi Ekuinas untuk mewujudkan sebuah penyedia perkhidmatan TPA yang utama di Malaysia dan peringkat dunia.

"Pasaran TPA membentuk subsektor yang pantas berkembang dengan saiz dianggarkan bernilai RM100 juta serta dijangka mencatatkan pertumbuhan 10 peratus setahun untuk mencecah RM156 juta menje-

lang 2019.

"Secara bersama, kedua-dua

syarikat akan menyediakan

landasan bagi Ekuinas untuk

mewujudkan sebuah penyedia

perkhidmatan TPA yang uta-

ma di Malaysia dan peringkat

dunia," katanya dalam satu

kenyataan akhbar di sini baru-

baru ini.

TPA bertindak sebagai penghubung antara pengguna, pembiaya perubatan dan penyedia perkhidmatan kesihatan dengan memanfaatkan pertumbuhan pasaran penjagaan kesihatan serta insurans kesihatan.

MediExpress merupakan

sebuah Organisasi Penjagaan

Terurus (MCO) yang mengen-

dalikan TPA untuk syarikat

insurans serta segmen per-

sahaan kecil dan sederhana

(PKS), manakala PMCare ada-

lah penyedia perkhidmatan

TPA milik Bumiputera yang

memberi tumpuan kepada seg-

men pelanggan korporat.